مجليس ڤربندارن سلايڠ
Majlis Perbandaran Selayang




MAMPAN • PROGRESIF • SEJAHTERA

# PELAN STRATEGIK 2016 2020

## MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG © 2016**
**DITERBITKAN OLEH JABATAN KORPORAT**

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini. Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

**JABATAN KORPORAT**
**Majlis Perbandaran Selayang,**
**Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,**
**68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.**

**Tel:** +603-6126 5800
**Fax:** +603-6138 8933
**Bebas Tol:** 1800-222-677

**www.mps.gov.my**


Majlis Perbandaran Selayang
MAMPAN • PROGRESIF • SEJAHTERA
PELAN STRATEGIK 2016
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2020

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| ***Sign-off* Pembangunan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang** | **001** |
| **Kata-kata Aluan Yang Dipertua** | **002** |
| **Ringkasan Eksekutif** | **003** |
| **Bab I - LATAR BELAKANG** | **005** |
| 1 Peta Pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang | 006 |
| 2. Pengenalan dan Latar Belakang Agensi | 007 |
| 3. Carta Organisasi | 008 |
| 4. Fungsi dan Tanggungjawab Jabatan | 009 |
| 5. Fungsi dan Peranan MPS | 013 |
| 6. Punca Kuasa | 014 |
| 7. Undang-undang Kecil (UUK) MPS | 015 |
| 8. Pihak-pihak Berkepentingan dan Pelanggan | 016 |
| **Bab II- ANALISA PERSEKITARAN** | **017** |
| **Bab III - HALA TUJU STRATEGIK** | **021** |
| 9. Visi dan Misi | 022 |
| 10. Moto MPS | 023 |
| 11. Nilai Bersama | 024 |
| 12. Teras Strategik | 025 |
| **Bab IV- PELAN TINDAKAN** | **027** |
| 13. Teras Satu | 028 |
| 14. Teras Dua | 031 |
| 14. Teras Tiga | 033 |
| 14. Teras Empat | 037 |
| 14. Teras Lima | 040 |
| **Bab V- IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN** | **045** |
| **Penutup** | **047** |



# "*SIGN-OFF*" PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

<table>
<tr><td>NAMA PROJEK</td><td colspan="2">PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG</td></tr>
<tr><td>SKOP PROJEK</td><td colspan="2">1. Memberi khidmat perundingan dalam Pembangunan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang;<br>2. Menjadi fasilitator dalam bengkel Pelan Strategik;<br>3. Menentukan hala tuju strategik Majlis Perbandaran Selayang (MPS) melalui pembentukan visi, misi, isu strategik dan objektif strategik;<br>4. Membangunkan Pelan Tindakan yang mengandungi maklumat seperti yang berikut:<br>i. Strategi;<br>ii. Program/Aktiviti;<br>iii. Indikator/KPI; dan<br>iv. Sasaran/Tempoh masa<br>5. Semakan Penulisan dan Pemurnian Dokumen Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang.</td></tr>
<tr><td>HASILAN PROJEK</td><td colspan="2">Satu Dokumen Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang</td></tr>
<tr><td>PASUKAN PROJEK</td><td colspan="2">Pasukan Khidmat Runding MAMPU<br><br>Jawatankuasa Pembangunan PS Majlis Perbandaran Selayang<br>· Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang<br>· Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang<br>· Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang</td></tr>
<tr><td>PERAKUAN</td><td colspan="2">Dengan ini disahkan bahawa projek pembangunan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang telah selesai dengan penghasilan seperti mana yang telah ditetapkan di dalam skop projek.</td></tr>
<tr><td>TARIKH SIGN-OFF</td><td colspan="2">Jun 2016</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PENGARAH PROJEK</td><td>Nama & Jawatan</td><td>Tandatangan</td></tr>
<tr><td>SULIMAN BIN ABD RAHMAN<br>Yang Dipertua<br>Majlis Perbandaran Selayang</td><td>[signature]</td></tr>
</table>

# KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA



Assalamualaikum,

Alhamdullilah bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan kurnia dan keizinannya, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 2016-2020 telah berjaya diterbitkan. Pelan Strategik ini merupakan suatu perancangan ke arah memperkasakan pengurusan perbandaran untuk seluruh warga Selayang dengan menyediakan perkhidmatan bertaraf 5 bintang bagi membentuk komuniti yang lebih sejahtera segaris dan harmoni.

Pelan Strategik ini merupakan satu usaha berterusan MPS bagi memastikan hala tuju dan beberapa teras digariskan agar matlamat pewujudan pelan ini dapat disasarkan kepada semua golongan yang terlibat sekaligus dapat memantapkan tadbir urus serta kecemerlangan organisasi dari semasa ke semasa. Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan perbandaran dan komuniti, MPS harus memperkukuhkan jalinan kolaborasi dengan rakan strategik untuk meningkatkan kecekapan dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti di masa hadapan.

Pelan Strategik ini juga menekankan aspek perancangan pembangunan yang lebih terancang bagi mewujudkan persekitaran perbandaran yang mampan dan berdaya maju. Secara tidak langsung, MPS juga dapat memperkasakan sumber hasil sedia ada dan menerokai sumber hasil baharu dengan wujudnya kediaman dan pembangunan yang lebih teratur, berdaya maju dan dinamik.

Dengan adanya Pelan Strategik ini, saya mengajak semua pihak terutamanya warga organisasi dan Ahli-ahli Majlis untuk melaksanakan dan menjayakan Pelan Strategik 2016-2020 ini bersama-sama bagi memacu MPS yang lebih mampan, progresif dan sejahtera. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan Pelan Strategik MPS 2016-2020.

**SULIMAN BIN ABD RAHMAN** A.M.S., P.P.T.
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Selayang.





# RINGKASAN EKSEKUTIF

**Majlis Perbandaran Selayang (MPS)** adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terletak di dalam kawasan Lembah Klang dan bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

Oleh itu, pelbagai cabaran dan persaingan dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada warga Selayang. MPS juga bersedia menghadapi persekitaran yang sentiasa berubah dan mencabar serta tuntutan daripada *'stakeholder'* dan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Justeru itu, pengurusan strategik akan dapat membantu MPS merancang secara proaktif program dan aktivitinya dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang.

Bagi merialisasikan visi dan misi yang telah digariskan, terdapat lima teras strategik yang dikenalpasti ianya merangkumi bidang tadbir urus, kecekapan perkhidmatan, pengurusan kewangan, pengurusan perbandaran dan teknologi ICT.

Kajian impak yang berterusan perlu dilaksanakan untuk memastikan Pelan Strategik 2016-2020 berada di landasan yang tepat supaya teras yang digariskan dapat memberikan impak yang positif sekaligus memantapkan perkhidmatan dan meningkatkan sistem penyampaian kepada warga Selayang.

BAB 01

# LATAR BELAKANG



# PETA PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG







# PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG AGENSI

Majlis Daerah Gombak (MDG) telah disusun semula mengikut Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976). Penyusunan semula di bawah Akta 171 adalah bertujuan mencapai objektif-objektif berikut:-

- Melicinkan jentera pentadbiran Majlis supaya bertambah cekap dan berkesan.
- Mengeratkan perpaduan rakyat di dalam kawasan pentadbiran.
- Memesatkan lagi projek-projek pembangunan sosioekonomi di kawasan Majlis.
- Membolehkan Majlis berdikari dengan berautonomikan kewangan.
- Mengekalkan amalan demokrasi dengan memberi peluang kepada penduduk tempatan yang layak menjadi Ahli Majlis.

Majlis Daerah Gombak (MDG) seterusnya telah dinaiktaraf ke MPS pada 1hb Januari 1997. Penyusunan semula ini meliputi seluruh kawasan daerah Gombak seluas 546 km persegi terbahagi kepada tiga mukim:

- Mukim Rawang - Keluasan 263 km persegi
- Mukim Batu - Keluasan 155 km persegi
- Mukim Setapak - Keluasan 128 km persegi

Mengikut data Perangkaan Bancian Penduduk Tahun 2010, jumlah penduduk dalam pentadbiran MPS adalah seramai 682,389 orang yang merupakan pelanggan kepada MPS.

MPS mengamalkan pentadbiran 3 peringkat iaitu:-

- Majlis - Pengubal Dasar
- Jawatankuasa - Penasihat
- Pengurusan - Pelaksana

MPS ditadbir oleh satu badan pengurusan yang diketuai oleh Yang Dipertua dan 24 orang Ahli Majlis. Ahli-ahli Majlis ini dilantik oleh kerajaan Negeri dari kalangan masyarakat (ahli politik, NGO dan golongan profesional) bagi tempoh 3 tahun. Pengurusan dan pentadbiran MPS seterusnya dibahagi kepada 18 Jabatan, 1 Bahagian serta 1 Unit.

MPS telah menubuhkan jawatankuasa utama sebagai penasihat iaitu:

- Jawatankuasa Kewangan
- Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan
- Jawatankuasa Infrastruktur
- Jawatankuasa Pengindahan Bandar
- Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat
- Jawatankuasa Kemasyarakatan
- Jawatankuasa Pusat Setempat
- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat
- Jawatankuasa Tender & Sebutharga

MPS juga membentuk jawatankuasa tambahan untuk membantu dalam pengoperasian seperti berikut:-

- Pihak Berkuasa Melantik
- Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran
- Jawatankuasa Pengurusan Aset
- Jawatankuasa Temuduga Gerai
- Jawatankuasa Inovasi

# CARTA ORGANISASI







# FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN

## 1. JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Menguruskan hal ehwal sumber manusia seperti urusan pelantikan, kenaikan gaji, pengurusan cuti dan pencen, pinjaman perumahan dan tatatertib kakitangan Majlis Perbandaran Selayang.
- Menguruskan dan menyelia latihan kakitangan seperti kursus, bengkel, seminar, mesyuarat luar serta peperiksaan untuk kakitangan.
- Menguruskan pembekalan aset dan stok bekalan pejabat termasuk perolehan dan pembayaran bagi perkhidmatan dan pembekalan.
- Menguruskan perlindungan insurans tanggungan awam, bangunan dan aset serta urusan panel perubatan kakitangan, pegawai dan ahli majlis.

## 2. JABATAN KORPORAT

- Membentuk dan meningkatkan imej korporat majlis.
- Membuat kenyataan akhbar mengenai hal-hal berkaitan MPS kepada media masa.
- Menerima dan menyelaras aduan awam untuk tindakan.
- Mengendalikan segala urusan untuk acara-acara rasmi MPS.
- Menerbitkan bahan-bahan penerbitan.
- Mengurus dan menjadi urusetia program inovasi dan penyertaan anugerah.

## 3. JABATAN PERBENDAHARAAN

- Mewujudkan sistem perakaunan MPS dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip perakaunan, arahan perbendaharaan dan peraturan kerja.
- Mengurus hasil dan mengawal perbelanjaan MPS.
- Mengawal dan menguruskan bantuan-bantuan kewangan daripada kerajaan negeri dan kerajaan pusat.
- Mengemukakan laporan kewangan mesyuarat majlis dan menyediakan penyata kewangan untuk dikemukakan ke Jabatan Audit Negeri.
- Menyediakan bajet tahunan dan mengendalikan akaun pindahan peruntukan dan peruntukan tambahan.
- Menguruskan pengeluaran pesanan tempatan (LO) Bagi Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan.
- Memproses bayaran bagi pesanan tempatan (LO), tanpa pesanan tempatan (TLO), kontrak kerja dan lain-lain tuntutan.
- Mengurus dan bertanggungjawab bagi pengurusan aset alih dan stor.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan cukai taksiran.
- Bertanggungjawab menguruskan kutipan hasil letak kereta.
- Bertanggungjawab ke atas kutipan dan penyimpanan hasil.
- Menerima bayaran cukai tanah Pejabat Tanah dan Daerah dan cukai taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

## 4. JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

- Menjalankan dan menyediakan laporan penilaian ke atas pegangan berkadar dalam kawasan MPS berdasarkan Akta 171 bagi maksud cukai taksiran.
- Memproses tuntutan caruman bantuan kadar bagi pegangan-pegangan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.
- Memproses permohonan tuntutan elaun kekosongan bagi pegangan berkadar yang tidak dapat didiami atau bagi bangunan kosong.
- Mengendalikan carian rasmi mengenai butir-butir pegangan.
- Bertanggungjawab mengemaskini maklumat pegangan.

- Menyediakan laporan penilaian bagi harta-harta Majlis Perbandaran Selayang untuk tujuan sewaan, insuran dan gadaian.
- Menguruskan sewaan premis milik MPS.
- Bertanggungjawab menguruskan kemudahan-kemudahan awam seperti stadium, kompleks sukan dan dewan-dewan.
- Menyediakan peralatan untuk majlis-majlis rasmi MPS.
- Bertanggungjawab mengurus, memantau projek-projek pembangunan dan penswastaan bagi menjana pendapatan MPS.
- Menguruskan proses perolehan kerja/perkhidmatan teknikal dan bukan teknikal.

## 5. JABATAN PERANCANG BANDAR

- Membantu dalam memastikan setiap permohonan kebenaran merancang mematuhi Akta 172.
- Memproses nama taman, bangunan, jalan dan alamat.
- Membuat lawatan tapak bagi ulasan teknikal jabatan berkaitan.
- Menjalankan penguatkuasaan merujuk kepada Akta 172.
- Membuat bancian ke atas kilang haram dan membuat penguatkuasa jika tidak mematuhi peraturan.
- Menyelaraskan dan memantau penyediaan dan pelaksanaan rancangan pemajuan.
- Bertanggungjawab dalam membangunkan dan mengemaskini GIS.
- Menguruskan dan memproses permit struktur *billboard.*
- Menyelaraskan program pembangunan projek kemampanan bandar iaitu bandar selamat, *Local Agenda 21* (LA 21) dan murni net.
- Memberi ulasan berkaitan dengan hal-hal tanah.

## 6. JABATAN BANGUNAN

- Menyemak dan memproses semua jenis permohonan pelan bangunan melalui Jabatan Pusat Setempat yang dikemukakan oleh orang utama yang mengemukakan (PSP) dalam kawasan MPS untuk keputusan.
- Membuat pemeriksaan dan menyediakan laporan bagi bangunan-bangunan yang telah siap yang mematuhi garis panduan bagi tujuan pengeluaran sijil kelayakan menduduki.
- Memproses permit bangunan sementara melalui Jabatan Pusat Setempat.
- Merekod penerimaan Borang F (CCC) perakuan siap dan pematuhan daripada Jabatan Pusat Setempat.
- Menerima dan memproses permohonan tuntutan wang cagaran bangunan.

## 7. JABATAN KEJURUTERAAN

- Memproses permohonan pembangunan bagi tujuan kerja tanah, jalan dan perparitan serta lampu jalan selaras dengan perancangan MPS.
- Membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap kepada syarat pembangunan dan Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki (SKM)/Borang G17 (CCC).
- Membuat pemeriksaan kawasan-kawasan pembangunan untuk serahan infrastruktur bagi tujuan penyelenggaraan.
- Membuat inventori dan memantau cerun-cerun di dalam rezab MPS.
- Bertanggungjawab untuk menyediakan, menyelenggara dan memastikan infrastruktur di dalam kawasan MPS.
- Memproses permohonan permit-permit utiliti, penutupan jalan dan longkang rezab jalan MPS.
- Menguruskan pembelian serta penyelenggaraan kenderaan penumpang dan bukan penumpang MPS.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan MPS dibuat secara berkala dan tidak berkala.

## 8. JABATAN PELESENAN

- Menguruskan permohonan lesen premis/penjaja permit sementara dan lesen anjing.
- Mengurus pembaharuan lesen.
- Penguatkuasaan undang-undang kecil berkaitan pelesenan.
- Kerja-kerja kawalan dan pemantauan premis makanan.

**9. JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN**

- Mengurus dan mengawal selia kerja-kerja perkhidmatan bandar seperti pemungutan dan pelupusan sisa pepejal, sampah pukal, pembersihan longkang, penyapuan jalan dan pemotongan rumput.
- Memproses dan memberi ulasan pelan bangunan bagi rumah dan kebuk sampah, surat sokongan dan sijil layak menduduki.
- Melaksanakan tugas-tugas kawalan serta pencegahan vektor dan lain-lain penyakit berjangkit yang berkaitan.
- Menyelaras aktiviti kawalan alam sekitar dalam bentuk penguatkuasaan dan kempen-kempen kesedaran awam.

**10. JABATAN PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN**

- Menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan mengguna pakai undang-undang kecil, akta dan enakmen yang telah diwartakan.
- Menyelesaikan aduan-aduan awam yang berkaitan dengan kadar segera.
- Menjaga keselamatan harta benda MPS.
- Memastikan orang awam yang berurusan dengan MPS mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Membantu agensi-agensi penyelamat untuk tugas-tugas *ad-hoc* yang berhubung kait dengan kecemasan seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain-lain.

**11. JABATAN LANDSKAP**

- Memproses permohonan kelulusan pelan landskap, permohonan sokongan CF, CCC dan pengambil alihan kawasan landskap.
- Mengawal pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh pemaju selaras dengan dasar dan garis panduan Jabatan Landskap Negara, garis panduan landskap MPS dan lain-lain yang berkaitan.
- Mengawal dan mengurus selia kerja-kerja penyelenggaraan landskap menepati piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan oleh MPS.
- Memastikan projek-projek pembangunan landskap yang dibangunkan menepati garis panduan piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan oleh MPS.
- Mengurus dan menyelesaikan aduan-aduan awam.
- Menguatkuasakan undang-undang berkaitan kesalahan-kesalahan yang melibatkan Akta 172, undang-undang kecil taman dan lain-lain undang-undang yang berkaitan.
- Mengurus tadbir produk dan kawasan-kawasan pelancongan dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang.

**12. JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

- Merancang, mengurus dan melaksanakan takwim tahunan program belia, sukan dan masyarakat.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan belia, masyarakat, sukan dan kebudayaan.
- Menyelaras, membantu dan mengkoordinasi program sukan dan kebudayaan, belia dan kemasyarakatan yang melibatkan MPS di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

**13. JABATAN PERUNDANGAN**

- Memberi nasihat dan pandangan mengenai perkara yang berkaitan dengan perundangan MPS.
- Menggubal dan meminda undang-undang kecil MPS dari semasa ke semasa.
- Merangka kertas-kertas pertuduhan, sama ada aduan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang awam dan menjalankan pendakwaan di mahkamah iaitu sebutan dan perbicaraan.
- Mengambil tindakan ke atas guaman sivil.

**14. JABATAN AUDIT DALAM**

- Memeriksa dan mengkaji kelancaran serta kesesuaian perjalanan sistem kawalan dalaman MPS yang telah sedia ada. Seterusnya mengemukakan cadangan pembetulan bagi memperbaiki sebarang kepincangan yang dikenalpasti.

- Melaksanakan tugasan audit pengurusan dengan menyemak dan meneliti perjalanan dan operasi pengurusan setiap jabatan untuk memastikan pergerakannya adalah selaras dengan peruntukan undang-undang, peraturan, polisi dan dasar-dasar yang telah ditetapkan.
- Menjalankan audit prestasi ke atas projek-projek majlis yang telah dijalankan dengan meneliti samada ianya mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Menjalankan tugasan audit kewangan ke atas setiap hal ehwal pengurusan kewangan MPS untuk memastikan beberapa prinsip audit kewangan dipatuhi.
- Menjalankan audit pematuhan/khas dengan mengesan perbuatan salah laku, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- Menjalankan siasatan ke atas aduan dan kes-kes yang melibatkan tatatertib.

### 15. JABATAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN

- Menguruskan proses tender dan sebutharga bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan termasuk membuat kajian harga pasaran.
- Menguruskan penyediaan dokumen kontrak bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan.
- Urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender, Jawatankuasa Sebutharga dan Jawatankuasa Penilaian Perunding.

### 16. JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

- Mengurus dan mengawal selia penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi pengurusan dan penyenggaraan harta bersama skim pemajuan berstrata.
- Menguatkuasakan peruntukan undang-undang Akta 663 dan Bahagian VI dan VII dalam Akta 318 dan Akta 757.
- Melapor status Badan Pengurusan dan skim pemajuan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)/ Kerajaan Negeri dan agensi yang berkaitan.

### 17. JABATAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

- Menerima, menyelaras dan memantau permohonan cadangan pemajuan dan permohonan-permohonan lain yang diterima melalui OSC.
- Mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat MPS dalam tempoh 2 kali sebulan.
- Memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat MPS bagi permohonan cadangan pemajuan kepada pemohon.

### 18. JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Merancang dan mengurus aktiviti perkomputeran MPS seperti Keselamatan ICT, Jaringan Rangkaian dan Pembekalan Peralatan Komputer MPS.
- Merancang, merekabentuk dan membangunkan Sistem Aplikasi untuk menyokong operasi MPS.
- Mengurus dan mentadbir dan pengoperasian pusat data.

### 19. BAHAGIAN URUSETIA

- Menyediakan minit mesyuarat dan mengedarkan setelah diperakukan untuk tindakan.
- Menguruskan semua mesyuarat jawatankuasa MPS dan lain-lain mesyuarat yang diarahkan.
- Mengurus hal ehwal ahli majlis termasuk aktiviti dan pembayaran peruntukan jawatankuasa penduduk setiap zon.

### 20. UNIT INTEGRITI

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan organisasi.
- Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab.
- Melaksanakan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) MPS.





# FUNGSI DAN PERANAN

Berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam Akta 171, Akta 172 dan Akta 133 fungsi MPS dikelaskan kepada enam kategori berikut:-

1. **URUS TADBIR PERBANDARAN**
   a. Sebagai Pengurus Tempatan
   b. Pengurusan Krisis
   c. Pengurusan Sistem Penyampaian

2. **KEBERSIHAN ALAM SEKITAR**
   a. Pelupusan Sisa Pepejal.
   b. Pengindahan Kawasan.
   c. Penyediaan & Penyelenggaraan Kawasan Rekreasi
   d. Penyediaan & Penyelenggaraan Sistem Peparitan
   e. Penyediaaan & Penyelenggaraan Kawasan Lapang/Hijau
   f. Pembersihan Kawasan dan Jalan-Jalan Utama

3. **KESIHATAN AWAM**
   a. Kawalan Vektor dan Rodensia
   b. Kawalan Kebersihan Premis Makanan
   c. Kawalan Kebersihan Ladang Ternakan
   d. Kawalan Sanitasi Tandas Awam & Pasar
   e. Program-program Kesedaran Kesihatan & Alam Sekitar

4. **PEMBANGUNAN**
   a. Rancangan Tempatan MPS 2020
   b. Rancangan Kawasan Khas Sungai Pusu (RKK)
   c. Mengawal dan Menguatkuasakan Pembangunan Melalui Rancangan Stuktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas
   d. Mengawal dan Menguatkuasa Kelulusan Pelan Pembangunan
   e. Mengawal dan Menguatkuasa Kelulusan Pelan Kerja Tanah
   f. Mengawal dan Menguatkuasa Kelulusan Pelan Jalan dan Parit
   g. Mengawal dan Menguatkuasa Kelulusan Pelan Lanskap
   h. Mengawal dan Menguatkuasa Kelulusan Permohonan Lampu Awam
   i. Mengawal dan Menguatkuasa Permit Bangunan Sementara
   j. Kawalan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan Tanah Tinggi

5. **KEMUDAHAN AWAM & INFRASTRUKTUR**
   a. Menyediakan dan Menyelenggara Kemudahan Awam
   b. Menyediakan dan Menyelenggara Jalan-Jalan Infra dan Utiliti Perbandaran
   c. Menguruskan Tempat Letak Kereta

6. **SOSIAL**
   a. Program-Program Kemasyarakatan (Kebudayaan, Sosial, Agama, Belia & Sukan)
   b. Program Bandar Mampan
   c. Program Bandar Selamat
   d. Program Local Agenda 21
   e. Bantuan Bencana Alam

# PUNCA KUASA

MPS menjalankan tugas berlandaskan kepada peruntukan undang-undang seperti yang disenaraikan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan:

## AKTA

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
2. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)
3. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
4. Akta Makanan 1983 (Akta 281)
5. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
6. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
7. Akta Keterangan 1952 (Akta 56)
8. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154)
9. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 (Akta 198)
10. Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012
11. Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
12. Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Peraturan-peraturan (Akta 514)
13. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
14. Akta Berkaitan

## KANUN

1. Kanun Tanah Negara (Akta 556)
2. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
3. Kanun Berkaitan

## ENAKMEN

1. Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau Selangor 1971
2. Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor 1995)
3. Enakmen Berkaitan

## PERATURAN

1. Peraturan-Peraturan Perlu ( Pembersihan Setinggan-setinggan) 1969
2. Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempatan-Tempatan Hiburan (Selangor) 1996
3. Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker dan Video)(Kawalan dan Penyeliaan) (Selangor) 1996
4. Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan & Pengurusan) 2015
5. Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015
6. Peraturan Berkaitan

## PERINTAH

1. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
2. Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
3. Perintah Berkaitan

## KAEDAH

1. Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) (Majlis Daerah Gombak) 1995
2. Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan 1999
3. Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok 2001
4. Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001
5. Kaedah Caj Pemajuan Tahun 2010
6. Kaedah Berkaitan







# UNDANG-UNDANG KECIL (UUK)

1. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
2. Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Daerah Gombak) 1992
3. Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996
4. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Selayang) Kerajaan Tempatan 2005
5. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Selayang) Jalan, Parit dan Bangunan 2005
6. Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Selayang) 2005
7. Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Selayang) 2005
8. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Selayang) 2005
9. Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Selayang) 2005
10. Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (Majlis Perbandaran Selayang) 2017
11. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
12. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
13. Undang-Undang Kecil Pemungutan , Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
14. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Peniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
15. Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
16. Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
17. Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
18. Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
19. Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
20. Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Majlis Perbandaran Selayang) 2013
21. Undang-Undang Kecil Krematorium (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
22. Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
23. Undang-Undang Kecil Pelesenan *Establishment* (Majlis Perbandaran Selayang)
24. Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Perbandaran Selayang) 2013
25. Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Selayang) 2013
26. Undang-Undang Kecil Pusat Sukan Persendirian (Majlis Perbandaran Selayang) 2013
27. Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (Majlis Daerah Gombak) 1992
28. Undang-Undang Kecil Penternakan Burung Walit dan Perusahaan Sarang Burung Walit (Majlis Perbandaran Selayang) 2013

# PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN



BAB

02

# ANALISA PERSEKITARAN



# BAB II :
# ANALISA PERSEKITARAN

## 1. PENGUKUHAN PENGURUSAN KEWANGAN DENGAN PENGGUNAAN SUMBER HASIL YANG OPTIMUM

Keperluan dalam memperkukuh pengurusan kewangan MPS adalah salah satu unsur yang kritikal dan sememangnya perlu diperkasakan dalam memastikan pendapatan MPS kekal dalam momentum sehingga tahun 2020. Dalam hal ini, MPS akan menambah baik pengurusan cukai taksiran dengan menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan yang efektif terhadap semua pegangan harta di kawasan pentadbiran MPS seiring dengan pertambahan kawasan pembangunan.

Dengan kaedah ini, ianya sudah tentu dapat memastikan MPS menggunakan sumber hasil tersebut secara optimum dan dapat mengekalkan serta meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada orang awam.

## 2. PENGURUSAN PERBANDARAN YANG EFISIEN

Sebagai salah satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bersempadan dengan kawasan pentadbiran DBKL, MPS dilihat mempunyai prospek untuk menjadi kawasan perbandaran yang strategik dengan berkeluasan 546 km persegi. Seiring dengan peningkatan permintaan untuk kawasan-kawasan perniagaan dan juga berbekalkan kekuatan organisasi, MPS dilihat mampu untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi dan mewujudkan lebih banyak peluang kerjasama dengan pihak swasta bagi membangunkan kawasan-kawasan perniagaan yang baharu. Disamping itu juga, jaringan pengangkutan awam juga merupakan aspek yang penting dalam memastikan pengurusan perbandaran yang lebih baik dari semasa ke semasa.

Selain itu, pengurusan perbandaran yang terancang dan berkualiti juga merangkumi pelbagai aspek seperti kemudahan awam, perkhidmatan kesihatan awam dan kebersihan, serta penyelenggaraan infrastruktur dan landskap ke arah mewujudkan perbandaran yang mampan.

## 3. PEMANTAPAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN PERBANDARAN YANG LESTARI

Perancangan pembangunan sememangnya diperlukan untuk pembangunan yang pesat sepertimana DBKL. Penambahan kawasan-kawasan komersial dengan pelan pembangunan semula tanah dapat mewujudkan kawasan bandar baru yang lebih tersusun. Konsep *Green Building* perlulah diterapkan dalam setiap pembangunan di kawasan MPS bagi menjamin pembangunan yang lestari. Hal-hal ini dilihat dapat meningkatkan kualiti hidup warga Selayang pada masa akan datang.

Disamping itu, kawasan-kawasan rekreasi akan diwujudkan dengan lebih giat untuk menyemai konsep kejiranan hijau dan juga berupaya memastikan komponen bandar selamat turut dapat dilaksanakan.





## 4. PEMURNIAN JALINAN KERJASAMA STRATEGIK

Dalam merealisasikan Pelan Strategik ini, jalinan kerjasama antara MPS dan rakan strategik perlulah dimurnikan lagi supaya segala perancangan dapat dijalankan dengan menghasilkan impak yang maksimum. Program-program kolaborasi bersama PBT yang bersempadanan dengan MPS perlulah diperbanyakkan lagi supaya segala informasi dapat dikongsi bersama dalam memastikan Selayang dapat menjadi perbandaran yang mampan.

Selain itu, program-program kemasyarakatan juga akan ditambah baik demi memastikan hubungan MPS dengan rakyat sentiasa dalam keadaan yang harmoni.

## 5. MEMPERHEBAT PENGURUSAN ORGANISASI

Bagi memastikan kesemua teras strategik ini mencapai matlamatnya, tadbir urus organisasi perlulah diperhebatkan supaya warga kerja MPS sama-sama berganding bahu merealisasikannya. Peningkatan integriti dan akauntabiliti sememangnya diperlukan bagi pengurusan organisasi yang mantap. Selain itu, kursus-kursus yang diberikan kepada warga kerja perlulah bersesuaian dengan bidang kerja masing-masing untuk menjamin keberkesanan kerja.

Seiring dengan kepesatan penggunaan teknologi kini, latihan ICT secara total akan diberikan kepada warga kerja MPS disamping prasarana ICT secara bersepadu yang diyakini dapat meningkatkan kecekapan organisasi dalam memberikan perkhidmatan yang efektif.

BAB

# 03

# HALA TUJU STRATEGIK



# VISI, MISI DAN MOTO

## VISI MPS

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG PENERAJU PENGURUSAN
CEMERLANG KE ARAH PERBANDARAN MAMPAN
MENJELANG TAHUN 2020

MPS akan merealisasikan visi dengan:

- Menyediakan pembangunan yang terancang
- Memberikan perkhidmatan dan infrastruktur perbandaran yang lengkap
- Memenuhi keperluan yang seimbang diantara ekonomi, sosial dan alam sekitar
- Memastikan ciri-ciri bandar selamat dilaksanakan dalam kawasan pentadbiran majlis

## MISI MPS

MEMPERKASA PENGURUSAN PERBANDARAN
KEPADA SELURUH WARGA SELAYANG MELALUI PERKHIDMATAN
BERTARAF 5 BINTANG KE ARAH PEMBENTUKAN KOMUNITI SEJAHTERA

MPS sentiasa berusaha memainkan peranan dalam merealisasikan misi ke arah:

- Menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti
- Menyediakan keperluan perkhidmatan perbandaran
- Mengamalkan konsep bandar dalam taman
- Memupuk persekitaran yang kondusif
- Menjalin dan membina hubungan dengan warga Selayang dan rakan kongsi
- Mengamalkan tahap tadbir urus yang responsif





# MOTO MPS

## **M**AMPAN, **P**ROGRESIF, **S**EJAHTERA

**MAMPAN**
Mampu terus berkembang untuk mencapai tahap prestasi yang lebih baik.

**PROGRESIF**
Sentiasa bergerak maju ke arah penambahbaikan dan kemajuan.

**SEJAHTERA**
Mewujudkan suasana yang aman, harmoni dan selesa.

# NILAI-NILAI BERSAMA

| NILAI | | HURAIAN |
|---|---|---|
| S | SETIA | Setiap warga kerja MPS mempunyai sifat taat dan patuh pada arahan/perintah pihak pengurusan. |
| E | EFISIEN | Semua kakitangan berkebolehan untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan dalam memenuhi ekspektasi stakeholders dan pelanggan. |
| L | LUHUR | Melahirkan warga kerja MPS yang berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan dengan mengikis sifat mementingkan diri dalam melaksanakan tugas sebagai asas pengisian amanah. |
| A | AMANAH | Menanam sikap bertanggungjawab/ akauntabiliti dalam bekerja yang boleh meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang lain serta mengutamakan kepentingan awam sebagai teras perkhidmatan dikalangan warga kerja MPS. |
| Y | YAKIN | Percaya kepada diri sendiri dan mampu untuk menyelesaikan masalah serta menjelaskan prinsip dan asas-asas dalam perkara yang berkaitan tugas harian. |
| A | ADIL | Membuat tindakan dan keputusan yang saksama serta tidak mempunyai sifat berat sebelah. |
| N | NASIHAT-MENASIHATI | Semua warga kerja bersedia memberi dan menerima nasihat dengan ikhlas dan sabar. |
| G | GIGIH | Semua warga kerja mempunyai kesungguhan dalam melaksanakan tugas yang diberi. |





# TERAS STRATEGIK

1. Memperkasakan pengurusan kewangan bagi memantapkan penggunaan sumber hasil untuk meningkatkan kecekapan penawaran perkhidmatan.
2. Meningkatkan kecekapan perkhidmatan perbandaran untuk kesejahteraan komuniti.
